

Kesan Penggunaan Myscore Pemulihan Terhadap Penguasaan dan Minat Murid Pemulihan Khas untuk Meningkatkan Kemahiran Membaca dalam Bahasa Melayu

Reza Rasfan Bin Hamzah¹ dan Aznan Bin Che Ahmad²

^{1,2}Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia

ABSTRAK

Sebuah kajian telah dilaksanakan bagi mengkaji sama ada MyScore Pemulihan berkesan untuk meningkatkan tahap skil membaca di kalangan murid pemulihan khas tahap 1 sekolah rendah. Kajian yang bersifat kuantitatif ini telah melibatkan 30 orang pelajar yang diajar menggunakan MyScore Pemulihan untuk sesi pengajaran dan pembelajaran mereka. Instrumen yang digunakan merangkumi ujian pos, ujian pra, soal selidik dan rawatan. Data berbentuk kuantitatif yang didapati daripada ujian pos dan ujian pra telah dikumpul, sebelum ia dianalisis oleh perisian yang bersesuaian, manakala kekerapan dan peratusan telah digunakan dalam menganalisis data soal selidik. Perisian yang digunakan dalam penganalisaan data adalah Statistical Packages for Social Sciences (SPSS) Version 28.0. Hasil ujian t-berpasangan menyatakan bahawa skor ujian pos mempunyai perbezaan yang jelas dengan ujian pra ($t = -24.98$, $p = 0.000$). Dapatan penyelidikan (ujian Pos) ini telah menunjukkan bahawa terdapat penambahbaikan kemahiran membaca di kalangan murid-murid pemulihan khas melalui penggunaan perisian MyScore Pemulihan dalam sesi pembelajaran dan pengajaran. Penyelidikan ataupun kajian ini juga menunjukkan bahawa MyScore Pemulihan mampu menarik minat murid-murid pemulihan khas ini untuk memberikan fokus kepada sesi pembelajaran dan pengajaran di dalam kelas. Sekaligus membantu meningkatkan prestasi pelajaran mereka, terutamanya dalam kemahiran membaca.

Kata kunci: MyScore Pemulihan, Murid Pemulihan Khas, Kemahiran Membaca

ABSTRACT

A study has been executed to examine whether MyScore Pemulihan is effective to increase reading skill level of remedial students' level 1 in primary schools. This quantitative-oriented study involved 30 students who were taught using MyScore Pemulihan for their learning and teaching session. Instruments used included post-test, pre-test, questionnaire and treatment. The post-test and pre-test quantitative data was collected before it was analyzed using statistical software while frequency and percentage were utilized to analyze questionnaire quantitative data. Software used to analyze the data was Statistical Packages for Social Sciences (SPSS) Version 28.0. The paired t-test showed that the post-test score had a significant difference in comparison to pre-test score ($t = -24.98$, $p = 0.000$). These results indicated the increase in the reading of remedial students during the post-test with the use of MyScore Pemulihan in their learning and teaching session. The study also showed that MyScore Pemulihan was able attract the interest of the remedial students and make them more focus during learning and teaching session in the class. Thus, increase their performance, in term of reading skill.

Keywords: MyScore Pemulihan, Remedial Students, Reading Skills

1. PENGENALAN

Program Pemulihan Khas merujuk kepada sebuah inisiatif yang dibangunkan bagi memberikan bantuan kepada murid-murid yang mempunyai kesukaran untuk mempelajari Bahasa Melayu dan juga Matematik tahap sekolah rendah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019). Dasar Pendidikan Kebangsaan (2012) menyatakan bahawa Program Pemulihan Khas adalah khas bagi murid tahap 1 dan tahap 2 yang menghadapi kesukaran untuk Mengira, Menulis, dan Membaca (3M). Pemilihan ke dalam Program ini adalah berdasarkan kepada maklumat dan prestasi akademik mereka. Melihat kepada betapa pentingnya program ini, Kementerian Pendidikan Malaysia telah memperkukuhkan Program Pemulihan Khas ini dengan menambah baik tahap pelaksanaan kelas pemulihan khas dengan memastikan bilangan Guru Pemulihan Khas terlatih yang bersesuaian dengan keperluan sekolah-sekolah yang terlibat termasuk di sekolah yang tidak mempunyai bilangan murid yang ramai (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013).

Menurut Bahagian Pembangunan Kurikulum (2011), konsep Program Pemulihan Khas adalah pembelajaran yang disampaikan kepada murid-murid yang kurang berprestasi baik disebabkan ketidakmampuan mereka untuk memahami pengetahuan yang disampaikan kepada mereka sebaik rakan sebaya mereka. Sistem kenaikan kelas secara automatik dikatakan menjadi penyebab dan punca masalah ini berlaku (Abdul Rasid, 2016). Kekurangan yang ada pada sistem ini adalah, walaupun seseorang murid itu mempunyai prestasi kemahiran membaca yang masih lemah, dia tetap diberikan peluang untuk 'memanjat' ke darjah seterusnya pada tahun berikutnya. Apabila murid-murid ini naik ke darjah seterusnya, mereka masih belum berkemampuan untuk menerima sukatan pembelajaran yang baru kerana kemahiran asas yang sepatutnya mereka kuasai pun mereka masih belum lagi menguasainya. Ini memberikan tekanan kepada mereka dan mengakibatkan mereka terus ketinggalan dalam pelajaran. Situasi ini menjadi lebih buruk lagi apabila guru yang mengajar dalam darjah seterusnya itu juga mengabaikan penguasaan kemahiran asas di kalangan murid-muridnya, kerana menyangka mereka sudah pun menguasainya pada darjah yang lepas (Abdul Rasid et al., 2016).

Pengajaran Program Pemulihan Khas adalah berasaskan kepada analisis kesulitan dan juga kelemahan yang biasanya dihadapi oleh murid-murid pemulihan khas ini dalam kemampuan mereka untuk menguasai sesuatu (Nurul Haniza et al., 2017). Terdapat beberapa prosedur yang perlu dilaksanakan sebelum seseorang murid itu dimasukkan ke dalam kelas pemulihan khas. Antara proses yang perlu dilaksanakan adalah pengenalanpastian murid yang bermasalah dalam pembelajaran, melaksana juga menganalisis ujian, penyediaan rancangan pembelajaran dan pengajaran, dan melaksanakan penilaian ke atas mereka. Kaedah secara individu dijalankan secara terancang, seperti mewujudkan kurikulum yang anjal yang boleh diubahsuai dan mengadakan kelas khas yang kecil supaya murid-murid yang terplilih ini mendapat peluang untuk memperbaiki kemahiran mengira, membaca dan menulis mereka (Fong, 2018). Adalah penting bagi seseorang guru yang mengajar kelas pemulihan khas untuk mencari kaedah termudah yang dapat membantu meningkatkan kefahaman murid-murid pemulihan khas ini supaya mereka lebih fokus dan lebih mudah untuk menyerap ilmu pengetahuan yang disampaikan di dalam kelas.

2. OBJEKTIF KAJIAN

1. Mengenal pasti keberkesanan Multimedia Interaktif Bahasa Melayu (MyScore Pemulihan) terhadap kemahiran membaca kvkv, kvkvkv dan kvkkv murid pemulihan khas.
2. Mengenal pasti minat murid-murid pemulihan khas terhadap penggunaan Multimedia Interaktif Bahasa Melayu (MyScore Pemulihan).

3. TINJAUAN LITERATUR

Mohd Asnorhisham dan Abdul Rahim (2017) telah menjalankan kajian yang bertajuk Pendekatan Pengajaran Secara Berkumpulan dalam Program Pemulihan Khas Bahasa Melayu. Guru-guru yang mengajar Bahasa Melayu ini telah menyertai Program Pemulihan Khas yang dilaksanakan. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji pendekatan pengajaran dan keseragaman pelaksanaan pendidikan pemulihan di sekolah rendah. Dapatan kajian mendapati, pembelajaran dan pengajaran Bahasa Melayu secara berkumpulan adalah sesuatu yang normal di kalangan guru-guru di dalam Program Pemulihan Khas. Mereka maklum dan menyedari keberkesanan belajar dan mengajar secara berkumpulan ini. Ia didapati mampu meningkatkan penguasaan kemahiran asas murid-murid yang menyertainya.

Kajian dari Abdul Rasid et al. pada tahun 2016 berkaitan dengan kebolegunaan multimedia interaktif dalam membantu memperbaiki kemampuan membaca murid-murid Program Bimbingan Membaca dan Menulis (PROBIM) di Kedah. Murid-murid PROBIM menghadapi kesukaran untuk membaca teks Bahasa Melayu dengan lancar dan baik. Dalam kajian Abdul Rasid et al. yang bertajuk Multimedia Interaktif Mempertingkatkan Pembelajaran Kemahiran Membaca Murid-Murid PROBIM, didapati bahawa murid-murid PROBIM mempunyai masalah untuk membaca dengan baik walaupun telah berada di sekolah menengah. Kajian berkaitan dengan persepsi murid ini mendapati mereka menyakini dan bersetuju bahawa multimedia interaktif adalah platform yang baik untuk membantu mereka memahami dan mengingat huruf konsonan dan vokal. Ia juga dapat membantu mereka untuk belajar cara menyebut huruf-huruf tersebut dengan lebih baik dan lebih tepat.

Kajian lain yang berkaitan dengan murid-murid pemulihan khas adalah kajian yang dilakukan oleh Maszuraini dan Hamed (2017) bertajuk Pembangunan Aplikasi Peranti Mudah Alih untuk Kemahiran Membaca Kanak-Kanak: Aplikasi Literasi LINUS (LiLIN). Aplikasi yang diberi nama Literasi LINUS atau LiLIN ini direka selari dengan konteks keperluan penggunaan media pendidikan untuk murid-murid dan pendekatan pedagogi kognitif murid. Aplikasi LiLIN ini adalah untuk membantu memperbaiki bacaan suku kata dan ejaan melalui pendekatan multimedia interaktif. Teknologi sentuhan multi-respon yang ada pada aplikasi ini secara automatiknya memberi notifikasi pada pengguna sama ada jawapan yang mereka pilih itu bertepatan dengan kehendak soalan ataupun tidak. Dapatan kajian ini menunjukkan multimedia interaktif ternyata telah dapat membantu dalam meningkatkan rasa ingin tahu untuk belajar, selain menambah peluang kepada murid-murid yang berprestasi rendah untuk sama-sama mendapat akses kepada pendidikan yang sama.

Jain dan Norasmah (2019) telah menjalankan sebuah kajian berkaitan dengan kemampuan murid-murid pemulihan khas ini untuk membaca dengan baik. Kajian yang dilaksanakan beliau dan rakan beliau yang bertajuk Reading Problems among Primary School Remedial Pupils in One of Miri, Sarawak bertujuan untuk menilai permasalahan yang berkaitan dengan murid-murid pemulihan khas iaitu kesukaran untuk membaca dengan lancar dan baik. Kemahiran asas membaca yang menjadi fokus kajian ini adalah suku kata yang terbuka dan vokal konsonan. Kesukaran untuk membaca suku kata terbuka (kvkv) adalah contoh masalah yang dialami murid-murid pemulihan khas dan inilah yang telah ditekankan dalam kajian ini. Keputusan kajian menyatakan bahawa punca utama mereka menghadapi masalah membaca adalah sebab kurangnya motivasi dan kurang berpengetahuan akan konsep asas membaca dengan jelas.

4. METODOLOGI KAJIAN

Kajian kuasi-eksperimen yang berbentuk kuantitatif ini dan menggunakan ujian pos dan pra telah melibatkan 30 orang murid pemulihan khas yang berada di tahun 2 dan 3 yang lemah dalam kemahiran membaca Bahasa Melayu di 15 buah sekolah rendah di daerah Kulim Bandar Baharu. Soalan-soalan yang digunakan dalam ujian pos dan pra telah dibangunkan oleh penyelidik

dengan 3 topik iaitu perkataan kvkv, kvkvkv dan kvkkv. Durasi kajian ini adalah 8 minggu yang mana setiap minggu dua sesi pengajaran dan pembelajaran dijalankan. Setiap kali sesi pengajaran dan pembelajaran, murid pemulihan khas diajar menggunakan kaedah MyScore Pemulihan.

Borang soal selidik dijadikan sebagai peralatan bagi mendapatkan maklumat daripada responden seperti maklumat demografi (Bahagian A) dan minat murid-murid pemulihan khas terhadap MyScore Pemulihan (Bahagian B).

Jadual 4.1 Ringkasan Mengenai Pembahagian Item Pada Borang Soal Selidik

Bil	Bahagian	Penerangan	Jumlah Soalan
1	Bahagian A Demografi	Mengandungi maklumat umum mengenai responden. Tujuan mendapatkan maklumat ini adalah bagi menilai dan mengenalpasti responden sama ada bersesuaian untuk dijadikan sebagai responden kajian ini ataupun tidak.	6
2	Bahagian B <ul style="list-style-type: none">• Aspek kandungan• Aspek Pembelajaran• Aspek Multimedia	Mengandungi soalan-soalan untuk mendapatkan maklumat berkaitan minat murid pemulihan khas terhadap MyScore Pemulihan	40
Jumlah item			46

Akhir sekali, penganalisaan data markah MyScore Pemulihan adalah menggunakan aplikasi Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) versi 25. Bagi memastikan set soalan yang dibangunkan adalah jitu dan mampu mendapatkan maklumat yang bertepatan dengan kehendak kajian, set soalan tersebut telah diberikan kepada tiga orang guru Bahasa Melayu bagi menyemak dan mengesahkannya. Guru yang dipilih dalam penilaian ini merupakan guru yang berpengalaman, yang mana mereka mempunyai pengalaman mengajar Bahasa Melayu lebih daripada 10 tahun, jadi kepakaran mereka tidaklah dapat disangkal lagi. Sementara itu, bagi menilai keberkesanan MyScore Pemulihan dalam menambahbaik kemahiran membaca, soal selidik berkaitan dengan minat telah diedarkan selepas tamat tempoh penyelidikan iaitu minggu ke-9. Pengesahan kejituan soal selidik berkaitan minat telah dilaksanakan oleh lima orang pakar berpengalaman yang mempunyai pengalaman melebihi 10 tahun dalam bidang mereka.

5. DAPATAN KAJIAN

5.1 Dapatan Analisis keberkesanan MyScore Pemulihan terhadap kemahiran membaca kvkv, kvkvkv dan kvkkv murid pemulihan khas.

5.1.1 Perbezaan Peningkatan Kemahiran Membaca KVKV Murid Pemulihan Khas Dalam Ujian Pos

Seperti yang dinyatakan sebelum ini, soalan ujian pos dan ujian pra telah digunakan bagi menilai tahap perbezaan penguasaan kemahiran membaca Bahasa Melayu dikalangan murid-murid pemulihan khas, selepas MyScore Pemulihan digunakan dalam sesi pengajaran dan

pembelajaran di kelas. Jadual 1 menunjukkan statistik sampel berpasangan bagi ujian pra dan ujian pos bagi kemahiran membaca kvkv.

Jadual 1 Statistik ujian t sampel berpasangan bagi ujian pra dan ujian pos perkataan kvkv

Sampel	N	Min	Beza min	Sisihan piawai	df	Nilai t	Signifikan
Kvkv - Pra	30	2.13	-11.40	2.15	29	-24.98	.00
Kvkv - Pos	30	13.53		0.97			

Seramai 30 responden (N) telah terlibat dalam setiap ujian yang dilaksanakan. Skor min bagi ujian pra adalah sebanyak 2.13 dengan sisihan piawainya adalah 2.15. Skor min ujian pos adalah sebanyak 13.53 dengan sisihan piawainya adalah 0.97. Perbezaan antara nilai min ujian pos dan nilai min ujian pra adalah sebanyak 11.40. Dengan kata lain, nilai min ujian pos adalah lebih tinggi jika dibandingkan dengan nilai min skor ujian pra.

Ujian-t yang dijalankan juga mendapati bahawa terdapat perbezaan yang ketara di antara skor ujian pos dengan skor ujian pra, dimana $t(30) = -24.98, p < 0.05$. Keputusan ujian ini telah memberikan gambaran bahawa terdapat penambahbaikan kemahiran membaca perkataan kvkv dikalangan murid-murid pemulihan khas yang mengaplikasikan penggunaan MyScore Pemulihan dalam pembelajaran mata pelajaran Bahasa Melayu. Ini sekaligus telah menolak hipotesis nol pertama kajian ini iaitu MyScore Pemulihan tidak mampu menambahbaik kemahiran membaca kvkv dikalangan murid-murid pemulihan khas.

5.1.2 Perbezaan Peningkatan Kemahiran Membaca KVKVKV Murid Pemulihan Khas Dalam Ujian Pos

Kesan penggunaan MyScore Pemulihan dalam menambahbaik kemahiran membaca kvkvkv dikalangan murid-murid pemulihan khas perlulah dikenalpasti juga. Oleh kerana itu, soalan ujian pos dan ujian pra telah diberikan kepada murid-murid pemulihan khas ini untuk menilai keberkesanan aplikasi tersebut. Jadual 2 menunjukkan statistik sampel berpasangan bagi ujian pra dan ujian pos bagi kemahiran membaca kvkvkv.

Jadual 2 Statistik ujian t sampel berpasangan bagi ujian pra dan ujian pos perkataan kvkvkv

Sampel	N	Min	Beza min	Sisihan piawai	df	Nilai t	Signifikan
Kvkvkv - Pra	30	1.63	-11.07	1.79	29	-31.14	.00
Kvkvkv - Pos	30	12.70		0.70			

Skor min ujian pra yang dicatatkan adalah sebanyak 1.63 dengan sisihan piawai sebanyak 1.79. Manakala, skor min bagi ujian pos pula adalah 12.70 dengan sisihan piawai sebanyak 0.70. Apabila perbandingan dibuat, didapati bahawa ujian pos mencatatkan nilai min yang lebih tinggi daripada nilai min ujian pra, yang mana jumlah perbezaan antara kedua-dua nilai ini adalah sebanyak 11.07. Perbezaan yang ketara dan jelas ini telah memberikan gambaran bahawa pengaplikasian MyScore Pemulihan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran dapat meningkatkan kemahiran membaca kvkvkv.

Perbezaan yang ketara di antara ujian pos dan ujian pra juga telah dibuktikan melalui ujian-t, dimana $t(30) = -31.14$, $p < 0.05$. Pembuktian ini sekaligus telah menolak hipotesis nol kedua bagi kajian ini iaitu MyScore Pemulihan tidak mampu untuk menambahbaik kemahiran membaca kvkvkv di kalangan murid pemulihan khas.

5.1.3 Perbezaan Peningkatan Kemahiran Membaca KVKKV Murid Pemulihan Khas Dalam Ujian Pos

Untuk mengenal pasti terdapat perbezaan peningkatan kemahiran membaca murid pemulihan khas dengan menggunakan MyScore Pemulihan, soalan ujian pos dan ujian pra telah diberikan kepada subjek kajian. Jadual 3 menunjukkan statistik sampel berpasangan bagi ujian pra dan ujian pos bagi kemahiran membaca kvkvkv.

Jadual 3 Statistik ujian t sampel berpasangan bagi ujian pra dan ujian pos perkataan kvkvkv

Kumpulan	N	Min	Beza min	Sisihan piawai	df	Nilai t	Signifikan
Kvkvkv - Pra	30	1.40	-11.17	1.90	29	-25.10	.00
Kvkvkv - Pos	30	12.57		1.01			

Analisis mendapati bahawa skor min ujian pra adalah sebanyak 1.40 bersama dengan sisihan piawainya sebanyak 1.90. Ujian pos pula merekodkan nilai skor min sebanyak 12.57 bersama dengan sisihan piawai sebanyak 1.01. Perbezaan antara kedua-dua skor min ini adalah sebanyak 11.17. Nilai ini menunjukkan bahawa perbezaan di antara skor min ujian pos dengan ujian pra adalah ketara.

Hal ini adalah selari dengan keputusan analisis ujian-t. Ujian-t telah membuktikan bahawa sememangnya terdapat perbezaan yang signifikan di antara skor ujian pra dan ujian pos, $t(30) = -25.10$, $p < 0.05$. Keputusan kedua-dua analisis telah membuktikan bahawa MyScore Pemulihan telah mampu menambahbaik kemahiran membaca perkataan kvkvkv dikalangan murid pemulihan khas, sekaligus menolak hipotesis nol yang ketiga dalam kajian ini.

5.2 Dapatan Analisis Minat Murid-Murid Pemulihan Khas Terhadap Penggunaan Myscore Pemulihan Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran.

Selain itu, Bahagian B dalam soal selidik yang dibangunkan mempunyai 40 pernyataan bagi menyokong objektif kajian kedua pengkaji yang mengandungi 3 aspek iaitu aspek kandungan, pembelajaran dan juga multimedia. Jadual 4 (aspek kandungan), Jadual 5 (aspek pembelajaran) dan Jadual 6 (aspek multimedia). Ringkasan dapatan soal selidik untuk bahagian ini adalah sebagaimana yang dipersembahkan dalam Jadual 4.

Jadual 4 Minat Murid-Murid Pemulihan Khas Terhadap Penggunaan Myscore Pemulihan Dalam Pembelajaran Bagi Aspek Kandungan

Item	N	Peratus %					Min	Interpretasi Min
		1	2	3	4	5		
Kenal huruf vokal	30	0.0	0.0	0.0	23.3	76.7	4.77	Tinggi
Kenal huruf konsonan	30	0.0	0.0	0.0	23.3	76.7	4.77	Tinggi
Sebut huruf vokal	30	0.0	0.0	0.0	16.7	83.3	4.83	Tinggi
Sebut huruf konsonan	30	0.0	0.0	0.0	20.0	80.0	4.80	Tinggi
Sebut suku kata kv	30	0.0	0.0	0.0	13.3	86.7	4.87	Tinggi
Sebut suku kata kvkv	30	0.0	0.0	0.0	36.7	63.3	4.63	Tinggi
Sebut suku kata kvkvkv	30	0.0	0.0	0.0	26.7	73.3	4.73	Tinggi
Sebut suku kata kvkkv	30	0.0	0.0	0.0	20.0	80.0	4.80	Tinggi
Eja suku kata kv	30	0.0	0.0	0.0	20.0	80.0	4.80	Tinggi
Eja suku kata kvkv	30	0.0	0.0	0.0	26.7	73.3	4.73	Tinggi
Eja suku kata kvkvkv	30	0.0	0.0	0.0	30.0	70.0	4.70	Tinggi
Eja suku kata kvkkv	30	0.0	0.0	0.0	23.3	76.7	4.77	Tinggi
Baca perkataan kvkv	30	0.0	0.0	0.0	30.0	70.0	4.70	Tinggi
Baca perkataan kvkvkv	30	0.0	0.0	0.0	30.0	70.0	4.70	Tinggi
Baca perkataan kvkkv	30	0.0	0.0	0.0	30.0	70.0	4.70	Tinggi
Purata							4.75	Tinggi

Dapatan dalam Jadual 4, menunjukkan bahawa nilai skor min untuk semua pernyataan melebihi 4.00 (dikategorikan sebagai Tinggi). Nilai ini membuktikan bahawa sebahagian besar responden menunjukkan minat yang tinggi untuk menguasai kemahiran membaca dalam Bahasa Melayu, apabila MyScore Pemulihan diaplikasikan. Purata skor bagi soal selidik ini adalah tinggi iaitu 4.75. Justeru itu, penggunaan MyScore Pemulihan mampu membantu murid pemulihan khas dalam memahami kandungan pelajaran dengan lebih jelas.

Jadual 5 Minat Murid-Murid Pemulihan Khas Terhadap Penggunaan Myscore Pemulihan Dalam Pembelajaran Bagi Aspek Pembelajaran

Item	N	Peratus %					Min	Interpretasi Min
		1	2	3	4	5		
Belajar sendiri	30	0.0	0.0	0.0	40.0	60.0	4.60	Tinggi
Seronok belajar	30	0.0	0.0	0.0	26.7	73.3	4.73	Tinggi
Minat belajar	30	0.0	0.0	0.0	30.0	70.0	4.70	Tinggi
Mengulang kaji pelajaran	30	0.0	0.0	0.0	23.3	76.7	4.77	Tinggi
Tahu guna telefon pintar	30	0.0	0.0	0.0	23.3	76.7	4.77	Tinggi
Tidak bosan belajar	30	0.0	0.0	0.0	26.7	73.3	4.73	Tinggi
Mudah paham pelajaran	30	0.0	0.0	0.0	16.7	83.3	4.83	Tinggi
Cepat belajar	30	0.0	0.0	0.0	16.7	83.3	4.83	Tinggi
Seronok ke sekolah	30	0.0	0.0	0.0	16.7	83.3	4.83	Tinggi
Boleh membaca	30	0.0	0.0	0.0	20.0	80.0	4.80	Tinggi
Kerjasama bersama rakan	30	0.0	0.0	0.0	16.7	83.3	4.83	Tinggi
Semangat belajar	30	0.0	0.0	0.0	10.0	90.0	4.90	Tinggi
Belajar sambil bermain	30	0.0	0.0	0.0	16.7	83.3	4.83	Tinggi
Bercakap dengan baik	30	0.0	0.0	0.0	13.3	86.7	4.87	Tinggi
Purata							4.79	Tinggi

Skor min untuk pernyataan-pernyataan yang dinyatakan dalam Jadual 5 didapati berada pada tahap yang tinggi. Purata keseluruhan skor min adalah 4.79. Nilai ini telah dapat memberikan gambaran bahawa penggunaan MyScore Pemulihan dalam sesi pembelajaran

dan pengajaran mampu menarik minat murid pemulihan khas untuk lebih fokus dan sekaligus meningkatkan prestasi kemahiran membaca mereka dengan signifikan.

Jadual 6 Minat Murid-Murid Pemulihan Khas Terhadap Penggunaan Myscore Pemulihan Dalam Pembelajaran Bagi Aspek Multimedia

Item	N	Peratus %					Min	Interpretasi Min
		1	2	3	4	5		
Arahan senang paham	30	0.0	0.0	0.0	23.3	76.7	4.77	Tinggi
Menu mudah paham	30	0.0	0.0	0.0	26.7	73.3	4.73	Tinggi
Warna teks cantik	30	0.0	0.0	0.0	10.0	90.0	4.90	Tinggi
Warna latar belakang cantik	30	0.0	0.0	0.0	16.7	83.3	4.83	Tinggi
Lagu yang jelas	30	0.0	0.0	0.0	13.3	86.7	4.87	Tinggi
Suara yang jelas	30	0.0	0.0	0.0	16.7	83.3	4.83	Tinggi
Saiz teks yang jelas	30	0.0	0.0	0.0	16.7	83.3	4.83	Tinggi
Butang mudah tekan	30	0.0	0.0	0.0	10.0	90.0	4.90	Tinggi
Gambar yang cantik	30	0.0	0.0	0.0	16.7	83.3	4.83	Tinggi
Jenis tulisan boleh dibaca	30	0.0	0.0	0.0	16.7	83.3	4.83	Tinggi
Animasi yang cantik	30	0.0	0.0	0.0	16.7	83.3	4.83	Tinggi
Purata							4.83	Tinggi

Jadual 6 menunjukkan bahawa skor min bagi setiap item adalah melebihi 4.00 dan jatuh dalam kategori tinggi. Skor min ini menggambarkan bahawa majoriti responden bersetuju dengan kenyataan bahawa elemen-elemen multimedia yang terkandung di dalam MyScore Pemulihan mampu menjadi pemangkin kepada pengguna untuk mempelajari tajuk ini. Ini dapat dilihat daripada skor min keseluruhan bagi item-item yang dinilai iaitu 4.83. Sehubungan itu, suasana pembelajaran yang aktif dapat diwujudkan dengan adanya elemen-elemen multimedia yang menarik minat murid pemulihan khas dalam belajar perkataan kvkv, kvkvkv dan kvkkv.

6. PERBINCANGAN

Kajian mendapati bahawa terdapat tiga faktor utama yang dapat mempengaruhi keupayaan membaca dikalangan murid pemulihan khas iaitu faktor murid-murid pemulihan khas itu sendiri, faktor sesi pengajaran dan pembelajaran dan faktor bahan yang digunakan untuk menyokong sesi pengajaran dan pembelajaran tersebut. Pertama, keberkesanan MyScore Pemulihan dapat dilihat melalui perubahan yang berlaku kepada murid-murid pemulihan khas yang terlibat tersebut. Subjek kajian mempunyai kesediaan untuk belajar dan perkembangan penguasaan kemahiran dalam bacaan yang berbeza semasa menggunakan MyScore Pemulihan semasa sesi pengajaran dan pembelajaran. Subjek kajian juga didapati mempunyai kognitif yang lebih baik dimana mereka didapati lebih mudah untuk menerima ilmu pengetahuan yang disampaikan kerana kemampuan memahami, mengingat dan mengaplikasi juga telah bertambah baik.

Kedua, faktor keberkesanan MyScore Pemulihan juga dikatakan berkait dengan teori yang digunapakai dalam kajian ini iaitu Teori Konstruktivisme (Piaget, 1987) dan Teori Kognitif Pembelajaran Multimedia (Mayer, 2014). Perkara asas kepada teori-teori ini ada dua. Pertama, melalui proses pengajaran yang lebih efisien dan efektif membolehkan guru pemulihan khas lebih banyak pilihan kaedah yang dirasakan sesuai untuk diaplikasikannya melalui multimedia dalam penyampaian pembelajaran kepada murid-murid pemulihan khas. Manakala yang kedua ialah murid pemulihan khas tidak perlu terikat dengan sesuatu ketetapan, sebaliknya mereka diberikan kebebasan untuk mendalami sesuatu yang sesuai dengan minat mereka. Mereka juga dapat memperoleh sesuatu konsep dengan peluang yang lebih baik bagi mengingat sesuatu

pengetahuan itu dengan lebih lama terutamanya dalam menguasai kemahiran membaca. Bercakap mengenai strategi pembelajaran pula, menurut Piaget, guru memainkan peranan penting dalam membentuk identiti murid-muridnya. Kaedah pengajaran dan pembelajaran yang diaplikasikan di dalam kelas terutamanya yang mampu mewujudkan kemahiran sosial (komunikasi) antara guru dengan murid dan murid dengan murid akan menjadikan murid-muridnya lebih berdaya saing, berkeyakinan tinggi dan lebih mudah menyerap ilmu pengetahuan yang disampaikan.

Seterusnya, keberkesanan MyScore Pemulihan juga adalah disokong oleh kandungan bahannya yang bertepatan dengan objektif pembelajaran dan rekabentuknya yang menarik. Kelebihan MyScore Pemulihan inilah yang telah digunapakai dalam kajian ini sebagai bahan bantu mengajar yang berbentuk visual yang menggunakan *smartphone* di mana kandungan bahan pengajarnya adalah ringkas dan mudah difahami oleh murid pemulihan khas yang masih memerlukan bimbingan bagi menambahbaik kemahiran membaca mereka. Penggunaan MyScore Pemulihan juga telah menggalakkan penggunaan teknologi dalam sesi pembelajaran dan pengajaran yang mana ia diyakini dapat menjadikan sesi tersebut lebih menarik dan berimpak, sekaligus meningkatkan prestasi murid-murid, kerana mereka lebih fokus dan lebih menunjukkan minat. Hal ini juga adalah disokong oleh Nurul Haniza et al. (2018), dimana beliau juga berpendapat bahawa BBM dapat menjadi sebuah asas kuat yang menggalakkan pembelajaran sesuatu konsep baharu dikalangan murid-murid kerana ia akan meningkatkan minat mereka kepada sesi yang dijalankan dan mampu membuatkan mereka mengingat ilmu pengetahuan yang disampaikan dengan lebih lama.

Faktor minat yang cenderung ke arah suasana pembelajaran mungkin disebabkan oleh reka bentuk MyScore Pemulihan yang dilengkapi dengan elemen-elemen multimedia berupa teks, grafik, animasi dan audio yang telah berjaya membentuk suasana bilik darjah yang ceria dan kondusif untuk diamati oleh murid pemulihan khas itu sendiri. Item ini selaras dengan pandangan Abdi Susanto (2017) yang menyatakan bahawa penggunaan multimedia menawarkan persekitaran bilik darjah yang menyeronokkan di samping cepat dan efektif. Kenyataan ini juga turut disokong oleh Asmawati et al. (2018) dan Musdaeni et al. (2018), turut berpendapat multimedia menjadi salah satu inisiatif yang mمبرangsangkan dalam memupuk minat dan perhatian seterusnya menjadikan pembelajaran bilik darjah yang ceria dan interaktif. Keadaan sebegini berpunca implementasi perisian multimedia dalam pembelajaran merupakan pendekatan yang efektif dan terkini yang menghidupkan suasana baharu dalam pengalaman murid tersebut.

Oleh itu, MyScore Pemulihan memainkan peranannya yang tersendiri dalam membantu menceriakan suasana pembelajaran yang lebih efektif dalam membentuk murid-murid pemulihan khas menguasai pembelajaran. Seterusnya, menurut Rika Kurnia Sari dan Nyoto Harjono (2021) dalam mewujudkan persekitaran bilik darjah yang ceria dan menyeronokkan, perisian multimedia dianggap bahan bantu belajar paling sedikit sebanyak membantu dalam memotivasikan minat murid untuk mempelajari sesuatu dan memberi fokus terhadap pembelajaran bahasa. Ini bertepatan dengan dapatan dalam kajian ini yang mendapati bahawa bahan bantu mengajar MyScore Pemulihan berkonsepkan perisian multimedia interaktif dalam pengajaran dan pembelajaran berjaya menyuntik minat murid terhadap gaya penyampaian guru tersebut dalam bilik darjah.

7. KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, responden bersetuju bahawa aplikasi multimedia dalam sesebuah pembelajaran dan pengajaran dapat membantu menjadikan sesebuah sesi itu lebih menghiburkan dan berkesan. Melalui pemerhatian yang dilaksanakan, didapati bahawa masih ramai guru lagi yang lebih gemar menggunakan kaedah konvensional dalam menjalankan sesi

pembelajaran dan pengajaran di dalam kelas. Oleh itu, Hasil kajian ini diharapkan dapat menjadi sebuah pemangkin yang menggalakkan penggunaan aplikasi multimedia di dalam kelas terutamanya sesi pembelajaran dan pengajaran yang melibatkan murid-murid pemulihan khas. Penghasilan aplikasi multimedia ini juga diharapkan akan menggalakkan lebih ramai lagi pembuat perisian untuk membangunkan aplikasi multimedia interaktif yang pelbagai sekaligus merencanakan lagi pengaplikasian aplikasi multimedia interaktif di dalam kelas. Hal ini selain dapat membantu meningkatkan prestasi murid-murid, ia juga mampu untuk menyelesaikan masalah lain yang sering dihadapi oleh murid-murid seperti beg sekolah berat kerana terpaksa membawa terlalu banyak buku teks ke kelas.

RUJUKAN

- Abdi Susanto (2017). Pemanfaatan ict (informations and communication technologies) dalam pembelajaran anak usia dini. *Tarbawy: Jurnal Pendidikan Islam*, 4(2), 230-241.
- Abdul Rasid Jamian, Norhashimah Hashim & Shamsudin Othman. (2016). Multimedia interaktif mempertingkatkan pembelajaran kemahiran membaca murid-murid probim. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 2(2), 46-53.
- Abdul Rasid Jamian. (2016). Permasalahan kemahiran membaca dan menulis bahasa melayu murid-murid sekolah rendah di luar bandar. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1(1), 1-12.
- Asmawati Mohamad Ali, Norizal Abdul Karim, Anita Mohamed & Noraihan Ismail. (2018). Aplikasi gaya pengajaran dan pembelajaran aktif dalam subjek kemahiran dinamika bagi merealisasikan pendidikan abad ke-21. *Sains Humanika*, 10(3-2).
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2011). *Buku panduan dan pengoperasian program literasi dan numerasi linus*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Fong, C. E. (2018). Dari pendidikan khas ke pendidikan pemulihan: Dua program masalah pembelajaran. *Analitika*, 10(1), 46-53.
- Jain, I., & Norasmah Othman. (2019). Reading problems among primary school remedial pupils in one of Miri, Sarawak. *Social and Management Research Journal*, 16(1), 73-84.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2019). *Buku panduan pengajaran dan pembelajaran bahasa melayu program pemulihan khas*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2012). *Dasar pendidikan kebangsaan*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan pembangunan pendidikan Malaysia 2013-2025*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Maszuraini Miswan & Hamed Mohd Adnan. (2017). Pembangunan aplikasi peranti mudah alih untuk kemahiran membaca kanak-kanak: Aplikasi literasi linus (lilin). *Malaysian Journal of Media Studies*, 17(2), 64-78.
- Mayer, R. E. (2014). *Multimedia learning (2nd ed.)*. New York: Cambridge University Press.

Mohd Asnorhisham Adam & Abdul Rahim Hamdan. (2017). Pendekatan pengajaran secara berkumpulan dalam program pemulihan khas bahasa melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 7(1), 66-73.

Nurul Haniza Samsudin, Puteri Roslina Abdul Wahid & Salinah Ja'afar. (2017). Pembelajaran bahasa melayu kanak-kanak pemulihan khas: Pembinaan bahan bantu mengajar. *Jurnal Pengajian Melayu*, 28(1), 164-193.

Nurul Haniza Samsudin, Puteri Roslina Abdul Wahid & Salinah Ja'afar. (2018). Pengaplikasian model awal kit asas membaca dalam pembelajaran bahasa melayu kanak-kanak pemulihan khas. *Jurnal Sains Insani*, 3(1), 1-9.

Piaget, J. (1987). *Possibility and necessity (Vol. 1)*. U of Minnesota Press.

Rika Kurnia Sari & Nyoto Harjono. (2021). Pengembangan media pembelajaran interaktif berbasis articulate storyline tematik terhadap minat belajar siswa kelas 4 sd. *Jurnal Pedagogi dan Pembelajaran*, 4(1), 122-130.